Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² yang di-kemukakan tadi adalah merupakan satu Rang Undang² bagi mengetatkan kemasokan orang² dagang ka-Tanah Melayu ini. Bagi pihak PAS sendiri ada-lah senentiasa mendesak kepada Kerajaan kerana

memandangkan banyak-nya bertambah penduduk² negeri ini dalam tiap² tahun dan berkehendakkan penghidupan ra'ayat yang lebih terator, maka satu daripada jalan yang mustahak di-buat ia-lah menyekat kemasokan orang² dagang ka-negeri ini. Di-dalam keterangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Perdana Menteri itu mengatakan memberi kuasa kepada Kerajaan bagi menghantar keluar semua mereka² yang tidak di-kehendaki lagi di-dalam negeri ini. Pada pendapat saya ini ada-lah tindakan yang sawajar-nya tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan undang² ini di-belakang-nya kita hendak-lah mengamati—terutama sa-kali Kerajaan, supaya mengetatkan dengan kuat-nya atas kemasokan orang² dagang ka-negeri ini dan menyiasat bahawa ada-lah orang² yang di-bawa masuk ka-dalam negeri ini dengan alasan hendak menuntut atau mempelajari ilmu pengetahuan di-dalam negeri ini.

Jikalau kita hendak menyelideki-nya boleh-lah kita menyelideki di-pelabohan² yang terbuka bagi negeri ini sa-umpama Pulau Pinang. Bila kita tengok tiap² kali kapal sampai di-Pulau Pinang maka kita akan melihat banyak kanak² kecil yang berumur 7-8 tahun di-bawa masuk ka-Tanah Melayu ini dengan tujuan kata-nya hendak belajar atau menuntut, pada hal yang sa-benar-nya menjadi kuli atau penjaga kedai² mereka² yang membawa budak² itu masuk. Sebab-nya budak² itu di-bawa masuk pada pendapat saya ia-lah kerana jika di-masokkan anak² kecil bekerja di-kedai² mereka itu dapat-lah mereka memberi gaji yang murah dan budak² itu tidak mustahak di-kenakan sa-barang undang² oleh kerana mereka itu boleh mengatakan budak² ini saudara atau anak² saudara mereka sendiri; ini-lah helah bagi saudagar² atau kaum capitalist² yang hendak menchari keuntungan dengan memperbudakkan anak² kecil. Maka saya harap kepada Kerajaan supaya menyelideki soal² ini dan menchegeh kemasokan anak² kecil yang seperti itu yang tujuan-nya bukan hendak belajar tetapi sa-mata² hendak di-perkuli oleh pokedai² asing di-negeri

ini. Sa-lain daripada itu mereka akan menyebabkan kesulitan dan menambahkan beban kepada Kerajaan negeri ini bagi memberikan tempat mereka belajar sedangkan anak² negeri ini sendiri banyak yang belum mendapat tempat bagi pendidikan mereka itu. Dengan sebab itu dalam pelaksanaan undang² ini saya mengharap kepada pehak Kerajaan supaya mengamati²-nya dan menjalankan sekatan itu betul² supaya kemasokan orang² dagang ka-Persekutuan Tanah Melayu ini dapat di-chegeh dengan alasan bagi menjaga dan memelihara keutamaan dan kepentingan ra'ayat negeri ini sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, mengikut perkembangan yang telah jadi dalam tiga empat tahun dahulu di-atas kemasokan bangsa² asing dalam Tanah Melayu ini teringat-lah saya satu soalan yang telah saya kemukakan kepada Yang Berhormat Perdana Menteri dalam persidangan bulan December yang lalu ia-itu berapa-kah bangsa² asing yang telah masuk ka-dalam negeri ini dalam tahun 1958, 1959 dan 1960. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi telah di-sebutkan bahawasa-nya adalah angka bangsa² asing yang telah masuk ka-Tanah Melayu dalam tempoh 3 tahun yang tersebut ia-lah hampir 30,000 orang. Di-sini dapat-lah kita ketahui bahawasa-nya bilangan yang besar daripada bangsa asing itu memang menchari jalan yang bermacam² untuk masuk ka-negeri ini.

Mr. Speaker: Saya bukan hendak menahan tuan dalam perkara ini, chuma saya hendak mengingatkan ia-itu ada-lah masaalah di-hadapan Majlis ini ia-lah Rang Undang² Imigereshen (Pindaan). Kalau hendak berchakap kesah yang lain saya tahan. Tolong chakap kepada pindaan itu sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Ini ada-lah sa-bagai kenyataan sa-belum saya

Mr. Speaker: Panjang sangat preamble-nya itu!

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Di-sini teringat-lah saya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang² pula yang masuk ka-dalam negeri ini dengan jalan haram ia-itu dengan satu tongkang di-Johore seramai 17 orang kalau tak silap saya pada tahun dahulu. Ini menunjukkan bahawasa-nya perjalanan Undang² Immigration walau pun di-pandang ketat, tetapi tidak memuaskan hati. Oleh sebab yang demikian saya sokong undang² yang di-kemukakan di-hadapan kita pada hari ini dan saya menchadangkan untuk menjaga keselamatan orang² Melayu kita dalam negeri kita sendiri supaya jangan mereka itu tenggelam dalam Tanah Melayu ini dan di-adakan satu Immigration Station di-Johore Bharu supaya di-selideki orang² yang masuk dari Singapura ka-Tanah Melayu ini dan dengan yang demikian dapat-lah kita jaga orang² yang masuk ka-Tanah Melayu ini dan di-samping itu pula terselamat dan terpelihara-lah bangsa Melayu.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dalam hendak menetapkan Rang Undang² Imigereshen (Pindaan) di-dalam negeri ini maka Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang² dalam Rumah ini. Sa-belum saya kemukakan apa² dalam Dewan ini saya minta supaya di-fikirkan Fasal 4 dalam undang² ini. Fasal 4 telah menyebutkan dalam mana² kapal di-bawah 75 tons. Saya tidak tahu apa-kah dasar yang di-buat-nya ini sama ada berasaskan atas sa-suatu kaedah, atau pun angka 75 tons ini di-ambil ia-lah semata² dengan mengikut keadaan² biasa sahaja. Ini berma'ana bahawa kapal itu berlebeh daripada 75 tons tidak ter-ta'alok di-bawah undang² ini. Melakukannya pemindahan yang haram akan meng'akibatkan kemasokan haram ini tidak-lah sa-benar-nya terhad kepada kapal² yang di-bawah 75 tons.

Saya perchaya Menteri yang bersangkutan dalam hal ini akan dapat menerangkan asas² ini dan sa-kira-nya dalam jawapan-nya itu tidak memuaskan patut-lah di-jadikan asas itu kepada satu angka yang di-kira membolehkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu benar² mengawal kemasokan

sechara haram dalam negeri ini. Dalam meminda undang² ini Kerajaan dalam Fasal 5 telah meminda Fasal 56 dari undang² asal. Bagi membolehkan pegawai² untuk menjaga kemasokan orang² luar ka-dalam negeri ini mengawasi keselurohan-nya maka permit sa-kira-nya tiada di-pegang oleh sa-saorang itu akan menyebabkan ia-nya salah. Permit yang di-beri kepada orang² yang di-luar Persekutuan Tanah Melayu untuk masok ka-negeri ini telah di-asaskan di-atas undang² yang menjadikan undang² asal bagi pindaan ini. Saya suka, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan memikirkan lebeh lanjut lagi berkenaan dengan permit yang di-berikan ini.

Dalam Fasal 9 undang² asal—9 (1) (a) telah memberikan kepada Menteri untuk menghadkan kemasokan orang² yang di-fikirkan berlawanan dengan kepentingan ekonomi, perusahaan, pelajaran dan social bagi negeri ini. Tetapi tidak-lah ini di-jadikan satu kaedah bagi memberi valid permit seperti yang di-sebutkan dalam fasal 5 Rang Undang² Pindaan ini. Maka saya perchaya waktu undang² asal ini di-buat tentu-lah tujuan yang besar-nya ia-lah memelihara kepentingan ekonomi, perusahaan, kemasharakatan dan pelajaran. Maka susah benar-lah saya melihatkan bahkan saya memandang ini tidak sempurna, sebab Kerajaan tidak meminda Fasal 8 daripada undang² asal yang pada fikiran saya patut di-masokkan dalam Fasal 8 itu. Satu daripada Fasal 8 ia-lah berkenaan dengan orang² yang tidak dingini berpindah ka-Persekutuan Tanah Melayu satu daripada-nya dan ini adalah bersangkutan dengan valid permit. Satu daripada permit yang elok, tegas bahawa orang² yang di-tahan masok ka-Persekutuan Tanah Melayu ia-lah orang² yang kemasokan-nya ada-lah berlawanan dengan kepentingan ekonomi, perusahaan, social dan pelajaran dalam negeri ini. Tidak akan sempurna undang² ini melainkan di-masokkan buku kecil yang saya sebutkan yang pada masa ini telah ada dalam Fasal 9 dan Fasal 8.

Kita sudah ada dalam sa-buah negeri yang hendak membangunkan hidup ra'ayat negeri-nya. Kita merasa

satu kesulitan dalam negeri kita ini ialah kebanyakan penduduk²-nya telah bertambah baik—itu dengan maksud dari segi ekonomi dan social. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sakira-nya dapat Perdana Menteri hendak-lah memikirkan hal ini dan menambahkan pindaan-nya, sebab ini akan menguntungkan fasal ini. Saya perchaya pindaan ini akan sempurna dan pindaan ini akan dapat benar² mengawal kepentingan ra'ayat negeri ini. Saya merasa sebarang kepentingan yang mengawal ra'ayat negeri ini hendak-lah kawalan dalam Fasal 5. Fasal 4 yang di-pinda dalam perkara "power to seize" ini ia-lah satu daripada hakikat yang akan membolehkan sa-saorang itu di-tangkap ia-lah dia tidak dapat mengemukakan kepada Pegawai Pelabohan kerana negeri lain sa-suatu permit yang sah di-keluarkan menurut undang² yang berjalan di-Singapura.

Dalam keselurohan-nya, Tuan Yang di-Pertua, undang² pemindahan ra'ayat dari sa-buah negeri ka-sabua negeri yang ada di-pakai di-Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini ada-lah berdasar kepada penyamaan chara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, boleh jadi sebab geography dan kemasharakatan, dan boleh jadi sebab politik yang telah membawa kepada penyamaan ini. Itu bererti sa-barang yang di-luluskan oleh Kerajaan Singapura untuk melakukan-nya di-Singapura, maka berlanjutan dan berjela kelulusan itu ka-Tanah Melayu, hinggakan dalam pindaan ini pun Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memandang sa-orang yang permit-nya sah di-luar, maka tidak-lah boleh sa-orang itu salah dalam undang² ini. Tidak usah-lah kita bahathkan di-antara Singapura dan Tanah Melayu sa-chara berpolitik, tetapi mari kita bahathkan dasar Singapura dan Tanah Melayu dari segi pemindahan manusia. Pada masa ini Singapura tentu-lah mempunyai dasar pemindahan-nya sendiri, orang yang di-masokkan ka-Singapura itu ada chorak dan ada ragam-nya. Dan kita bershukor kepada Allah kerana negeri kita telah menjadi sa-buah negeri yang merdeka. Maka membolehkan Singapura menjadi

pintu yang terdedah lapang bagi Persekutuan Tanah Melayu akan menyebabkan segala susunan yang rapi bagi mengawal kemasokan ra'ayat itu lega. Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mempunyai perhatian dalam hal ini, dan saya kehendaki supaya dalam memandang Singapura sa-bagai pintu lalu kepada ra'ayat di-jalankan dengan chara yang amat berhati², dan Kerajaan kita sekarang patut-lah mengemukakan undang² yang menambah sedikit ketat kepada negeri itu kepada orang yang hendak masuk ka-Singapura sa-kira-nya mereka itu berasal dari lain negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah buat sa-ribu satu helah untuk kepentingan ekonomi, kehidupan dan faham ra'ayat negeri ini. Saya perchaya Singapura boleh di-pandang sa-bagai satu tempat subur bagi kemasokan orang yang tidak mesti suchi kepada kepentingan kehidupan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu. Saya berhajat supaya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berhati² benar dalam soal Imigreshen dengan Singapura.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya undang² yang ada di-hadapan kita ini ia-lah satu undang² yang sangat di-kehendaki untuk mengawal orang yang suka masuk ka-negeri ini dengan berbagai chara. Oleh sebab negeri ini kekayaan dan taraf penghidupan-nya termashhor di-seluruh dunia, maka tentu-lah mereka yang hendak masuk ka-negeri ini membuat berbagai helah. Yang kedua, mereka yang hendak melarikan daripada kesalahan didalam negeri masing² datang berlindung ka-dalam negeri kita ini. Maka dalam Bill ini kita nampak, bukan sahaja mereka yang masuk itu di-halau balek ka-negeri-nya, bahkan barang² atau pun kenderaan mereka itu pun akan di-hukum, di-rampas dan sa-bagai-nya. Pada fikiran saya Bill ini sangat-lah sesuai untuk menjaga kepentingan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri kita ada berbagai bangsa dan keturunan saperti China, India dan

lain² yang mana mereka ini tentu-lah ada hubungan yang rapat dengan saudara-mara-nya di-luar negeri. Oleh sebab hendak menjaga kepentingan negeri kita yang kecil dan juga kepentingan warga negara-nya supaya negeri ini jangan di-masoki banyak lagi orang lain negeri, hendak-lah di-buat satu garis supaya tidak-lah mereka membawa saudara-mara-nya yang di-luar negeri itu.

Walau pun kita telah mendengar tadi ucapan Ahli² Yang Berhormat dari Ipoh dan Damansara yang telah menyuarakan beberapa kesusahan kepada mereka yang terkena dalam Undang² ini, tetapi oleh sebab sa-bagaimana saya katakan tadi, untuk kepentingan negeri ini, maka perkara itu tidak boleh di-kechualikan supaya mereka itu boleh di-masokkan ka-dalam negeri ini.

Yang kedua, berkenaan dengan kapal yang di-bawah 75 tan. Saya faham kapal ini tentu-lah kapal yang akan singgah di-pelabuhan kita sahaja, tetapi bagaimana pula kepada kapal yang tidak singgah saperti di-Singapura dan yang berdekatan adakah masuk juga dalam Fasal 49A? Sebab kita telah mendengar perchakapan sa-orang Ahli Yang Berhormat baharu² ini mengatakan Singapura ia-lah satu Kerajaan yang berlainan dengan Kerajaan kita. Maka saya rasa sampai-lah masa-nya kita mengadakan satu kawalan yang ketat di-Causeway untuk menjaga mereka yang masuk dari Singapura ka-Persekutuan Tanah Melayu yang menggunakan motokar dan lain² di-masokkan juga dalam fasal ini supaya kenderaan itu di-rampas semua-nya. Sa-kian-lah pandangan saya dalam Bill yang ada di-hadapan kita ini.

The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengambik bahagian dalam debate Bill ini. Tetapi apabila saya mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, saya ingat patut saya beri keterangan berkenaan dengan resolution M.I.C. yang di-sebutkan-nya pada pagi ini. Sunggoh pun M.I.C. ada membuat satu resolution yang memberi peluang anak² Federation Citizen

yang belajar di-luar negeri yang sudah lebeh umur tetapi saya hendak beri keterangan kepada Ahli Yang Berhormat—perkara itu tidak ada dalam agenda Dewan ini. Apabila M.I.C. luluskan satu² resolution, kita hantar kepada Parti Alliance; M.I.C. ada-lah sa-bahagian daripada Alliance, Alliance memerintah negeri ini, dan kita mesti ingat Alliance ia-lah satu parti untuk “national interest”, dan apabila Alliance sudah bersetuju, Menteri² yang bertanggung jawab berkenaan dengan hal ini memang boleh membawa-nya ka-dalam Dewan ini.

Saya pun tidak faham dalam shara-han Yang Berhormat itu, saya perchaya kita dalam Alliance memang ada chukup dan kita boleh jaga Rumah ini dengan selamat-nya. (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (*Seberang Utara*): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan kuat-nya pindaan Undang² Kemasokan ini. Oleh kerana saya dapati banyak daripada orang luar yang masuk negeri ini dengan chara jalan haram dengan chara pengangkutan laut. Di-samping itu saya menarek perhatian kepada Yang Berhormat sekalian apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat wakil daripada Ipoh, beliau telah menyatakan sa-kira-nya ada sa-orang yang berhakit burok ia per-chaya dia itu patut di-hantar balek, maka ini dapat-lah berpeluang ia pergi ka-negeri China. Jadi, di-sini kita dapati bahawa beliau ini menggunakan Dewan ini sa-bagai propaganda politik kerana hendak menuduh Kerajaan

Mr. Speaker: Itu tidak menyentoh atau salah kepada Dewan ini. Ahli Yang Berhormat itu telah berchakap dan tujuan-nya yang pertama dia menyatakan supaya Undang² yang asal itu di-pinda lagi itu yang dia chakap-kan saya fikir tidak ada salah-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun begitu beliau telah menyebutkan berkenaan

Mr. Speaker: Itu mithalan yang patut dia bawa dalam Majlis ini.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya meng-hendaki ia-itu kawalan berkenaan ke-masokkan kapal ini di-jagai sebab telah banyak di-dapati orang² masok negeri ini dengan jalan haram.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, berbagai² perkara yang di-sebut dan di-keluarkan oleh Ahli² Yang Berhormat terhadap chadangan saya mem-bawa pindaan Undang² Immigration tahun 1959 ini. Jika ada satu² Undang² yang hendak di-buat dan Undang² baharu itu harus-lah terlebih dahulu di-rundingkan dengan Singapura. Jadi, terhadap Undang² ini saya hendak mengambil satu perhatian dan saya akan sebutkan semua sakali di-dalam perchakapan saya ini. Pertama-nya, Ahli² Yang Berhormat sekalian men-getahui bahawa antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu boleh-lah di-katakan siapa sahaja boleh masok dan keluar dengan tidak ada paspot. Dengan itu saya perchaya chadangan daripada negeri ini ia-lah tidak menyusahkan bagi orang² keluar masok di-antara kedua buah negeri ini. Tetapi tanggungan di-antara kedua buah negeri ini chuma apa yang kita hendak buat ia-lah menjaga keselamatan dari-pada orang melebehi masok ka-negeri ini maka kena-lah kita pinda atau buat Undang² yang bersamaan. Jadi, dengan kerana itu-lah Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura telah berunding sa-tiap masa tentang mana yang Persekutuan Tanah Melayu patut hendak ketatkan, belum-lah lagi pernah Singa-pura ini enggan. Jadi, boleh di-katakan apa pindaan yang di-jalankan di-Singapura dan pindaan yang kita buat pada hari ini ada-lah dengan pakatan daripada Singapura. Tetapi sa-bagai-mana yang saya sebutkan tadi bahawa Singapura tidak pernah enggan men-erima di-atas apa² permintaan kita.

Ada di-antara Ahli² Yang Berhormat menyebutkan bahawa kanak² yang ber-umur lebeh dari 6 tahun itu tidak dapat masok di-sini, saya suka sebutkan di-sini sunggoh pun kita ada Undang² tetapi kuasa yang di-berikan kepada pehak yang menjalankan Undang² itu ada-lah menunjokkan rasa kasehan atau pun di-beri kebenaran kalau di-fikirkan patut ya'ani jika ibu bapa-nya

tidak ada di-sini dan kanak² itu dudok dengan dato'-nya. Jika dato'-nya mati maka budak itu tidak siapa yang menjaga-nya sungguh pun umur-nya sudah lebih dari 6 tahun kita akan timbang dan di-benarkan. Tetapi belum lagi biasa kita buat satu² perkara sa-umpama ini dengan sesiapa pun. Ada pun yang di-sebutkan, kanak² di-bawah umur 6 tahun di-benarkan masuk serta bekerja dalam kedai² bekerja sa-bagai buroh dan sa-bagai-nya. Saya tidak nampak munasabah daripada akal kerana ada perbezaan kanak² yang umur-nya 6 tahun dengan orang² yang berumur 15 tahun, barangkali Ahli Yang Berhormat itu salah faham dengan Undang² yang dahulu itu kerana belum di-adakan pindaan. Dahulu di-katakan orang² muda yang berumur ta' lebih dari 15 tahun di-benarkan masuk. Jadi, kita sekarang pinda Undang² supaya tidak di-benarkan masuk siapa² yang lebih 6 tahun umur-nya. Dengan kekeliruan Undang² dahulu dengan Undang² yang ada sekarang ini berbagai²-lah helah telah di-keluarkan tetapi di-sini saya suka katakan, jangan-lah takut kerana kalau sa-saorang yang umur-nya 15 tahun di-katakan umur-nya 6 tahun tidak siapa pun dia boleh tipu. Ada juga yang mengatakan ada kanak² yang konon-nya umur-nya 6 tahun itu minta hendak masuk di-sini tetapi kerana kelambatan timbang menimbang maka umur kanak² itu sudah lebih 6 tahun dan dia tidak dapat di-benarkan masuk. Ini saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, apa yang kita telah buat itu bukan sahaja kita timbangkan di-atas masa yang kita ambil keputusan sa-masa permintaan itu masuk. Jika kanak² itu berumur 6 tahun sa-masa dia masukkan permintaan itu kita benarkan juga sungguh pun kita ambil masa 3 tahun lagi untuk memutuskan hal itu. Jadi, tidak-lah mengambil masa begitu lama. Kerana Tuan Yang Berhormat mesti tahu bahawa pekerjaan berkenaan dengan immigration ini ialah satu pekerjaan yang besar dan berat kerana di-dalam-nya kalau kita timbang dengan rengkas sahaja dengan tidak mengambil sa-chara halus maka tentu-lah negeri kita ini akan melimpah dengan berbagai² manusia, kerana Tuan² Yang Berhormat pun tahu

barang kali Allah Ta'ala telah memberikan umat yang banyak kepada negeri kita ini lebih daripada mana² negeri yang berjiran dengan kita. Jadi memang-lah orang² kita sahaja hendak masuk ka-dalam negeri ini. Kita mestilah menjaga kepentingan orang² yang dalam jagaan kita ini. Jadi masing² yang pulang ka-negeri masing² atau pun dudok di-negeri masing² semua-nya bertujuan hendak mencari kesenangan tetapi apabila tidak dapat kesenangan di-negeri mereka, mereka hendak balek ka-sini. Apa-kah akan jadi atas kesenangan orang² negeri kita sendiri. Jadi dengan kerana itu-lah Immigration bukan dapat satu² permintaan di-timbangkan dengan sa-chara begitu sahaja. Jadi macham kata sa-orang Ahli Yang Berhormat ada sa-orang China yang sakit barah (cancer) dia perchaya kalau dia berubat di-negeri China boleh baik sakit-nya tetapi dengan kerana kita tidak benarkan chepat permintaan-nya itu dia pun mati di-sini. Ini-lah saya dengar pertama kali yang orang² sakit cancer boleh di-baiki chepat. Doctor dan Scientist di-mana² pernah berkata ini satu penyakit yang tidak dapat di-ubat. Kalau dia hendak mati dalam 3 bulan kalau dia balek ka-sana pun dalam 3 bulan dia akan mati juga, tetapi dengan apa yang kita telah buat terpelihara-lah dia daripada wang tambang ka-sana. Jadi yang sa-benar-nya ditudoh pula kita bukan sahaja dzalim *unfair* tetapi kita ini sudah jadi *murderer* pula dengan kerana kawan itu mati. Jadi saya perchaya 3 bulan bukan lama hendak menimbang sesuatu perkara dan langkah yang kita ambil sampai masa ini tidak-lah berbangkit chabaran yang tidak baik atau *criticism* terhadap kita chuma-nya adalah tiap² undang² tidak boleh dapat dengan chukup sempurna melainkan ada-lah kekurangan atau pun sa-bagai-nya tetapi apa yang kita telah buat kita telah jalankan pentadbiran kita dengan timbang menimbang dan ke'adilan. Jadi tentang mana yang kita boleh tolong kita tolong dan yang mana tidak boleh, tidak dapat-lah kita hendak tolong.

Ada juga Ahli Yang Berhormat berkata hendak di-ketatkan lagi undang² kita ini dan syarat² 8 itu tidak

memadai. Jadi dalam Undang² Immigration itu ada tersebut berbagai² daripada (a) sampai (o), habis itu ada pula lagi satu section 9 yang memberi kuasa penoh kepada Menteri untuk menjalankan timbangan-nya di atas sa-saorang yang telah masuk ka-sini dengan apa chara yang boleh dikeluarkan. Jadi tidak dapat-lah sa-saorang manusia di-bebaskan dengan sa-penoh-nya sa-takat mana dapat di-buat atas perkara ini. Tetapi kalau di-bacha dengan sa-sunggo-nya fasal 8 dan 9 boleh-lah kita faham bahawa sa-takat mana yang di-izinkan oleh 'akal ini kita telah jalankan dengan sa-berapa boleh-nya. Jadi fasal apa berkehendakkan kapal² yang kurang 75 tan yang kita dapat rampas dan kapal yang lebeh daripada 75 tan kita tidak dapat rampas, di-pendekkan jawapan-nya ia-lah kapal yang 75 tan kebawah itu boleh di-katakan kapal kecil dan sa-siapa yang berkuasa seperti Captain dan sa-bagai-nya boleh tahu siapa yang ada di atas kapal itu jikalau di-benarkan sa-saorang masok, jadi macham tongkang dan sa-bagai-nya Captain itu boleh tahu bahawa dia itu telah melakukan kesalahan² yang di-larang di-dalam undang² kita ini. Jadi dengan kerana kalau dia tidak tahu—mustahil dia tidak tahu, kerana berapa banyak sahaja orang² yang ada di-dalam kapal 75 tan.

Berkenaan dengan kapal yang lebeh daripada 75 tan, dia itu masok bilangan kapal yang besar. Jadi berkenaan dengan kapal yang besar ada pula peratoran-nya di-bawah section 49 Undang² Immigration. Section 49 itu telah berkata "The Controller may by writing under his hand authorise any Port Officer to detain any vessel in connection with which and offence against this Ordinance is reasonably believed to have been or to be about to be committed". Jadi boleh ditahan dan berbagai² lagi termasuk di-dalam (1), (2), (3), (4), (5), kena-lah kita membezakan benda yang boleh kita rampas dan benda yang patut kita rampas, macham juga benda yang boleh kita telan dan benda yang tidak boleh kita telan kalau di-telan lekat di-kerongkong. Jadi itu-lah beza-nya kapal yang di-bawah 75 tan dan kapal yang lebeh 75 tan. Tiada-lah lagi yang

dapat saya sebutkan di-sini melainkan apa yang di-buat itu telah kita pandang sangat mustahak dan telah pun di-jalankan tindakan. Apa yang telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat pagi ini yang berguna akan kita bawa berunding dengan Singapura juga. Sa-takat itu sahaja-lah yang dapat saya sebutkan di atas apa yang telah di-tegor oleh Ahli² Yang Berhormat tadi.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 5—

Enche' Zulkiflee bin Muhammad:

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengemukakan pandangan berkenaan dengan 75 tan, di-antara jawapan yang saya terima ia-lah yang 75 tan ini boleh jadi Captain kapal itu dapat mengenal penumpang² yang ada di-dalam-nya dan menurut keterangan Perdana Menteri akan membolehkan kita meletakkan tanggung jawab dan merampas kapal-nya, kapal yang besar² tidak boleh-lah di-buat demikian. Soal ini tentu-lah jadi soal ukoran. Saya tahu bahawa soal hendak menentukan 75 tan ini pun satu soal ukoran juga. Kita, Tuan Yang di-Pertua, patut memikirkan bahawa kapal besar itu memang-lah tidak ada siapa yang boleh menelan-nya. Tetapi apa-kah pada fikiran Perdana Menteri kalau 75 tan itu di-jadikan 100 tan? Besar benar-kah 100 tan itu bila memisahkan kapada lengkungan kita, sebab kalau 100 tan pun, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Captain itu tahu-lah orang yang berjalan dengan sailing vessel-nya.

The Prime Minister: Saya tidak dapat hendak menjawab-nya itu. Sebab undang² ini di-buat dengan timbangan expert. Fasal apa-kah tidak di-tentukan 100 tan tetapi pula di-tentukan 75 tan. Jadi tak dapat saya hendak jawab dengan tepat soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum dihabiskan perbahathan berkenaan dengan undang² ini saya hendak mengemukakan satu pindaan ia-itu

Mr. Speaker: Tadi saya bertanya . . .

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Itu satu sampai empat.

Mr. Speaker: Satu sampai lima saya sebutkan tadi. Bila Setia-Usaha membachakan tadi Fasal 1 sampai 5 jadi saya sebutkan Fasal 1 sampai 5 menjadi sa-bahagian daripada Undang² ini.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, jika tidak ada apa² pindaan saya menchadangkan undang² ini Fasal 1 sampai 5 di-luluskan.

Question put, and agreed to.

Clauses 1 to 5 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE NOTARIES PUBLIC (AMENDMENT) BILL

Second Reading

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof): Mr. Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Notaries Public Ordinance, 1959," be read a second time.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Sir, I beg to second the motion.

The Minister of Justice (Tun Leong Yew Koh): Mr. Speaker, Sir, I do not think I need detain the House long over this little amendment Bill, which rectifies a minor legal nonsense of the sort we lawyers enjoy indulging in.

Briefly, it sometimes happens that there is a dispute as to the nature, quantum or condition of goods which are delivered by sea. These are what is called "ship's protests". It is a well recognised principle of international usage that when something has gone wrong with a cargo, or its supporting documents, a Notary Public may take

and attest an affidavit or statutory declaration for use outside the Courts in the Federation.

In short, this Bill arms the Notaries Public in Malaya with power to attest these affidavits which are cognisable by foreign Courts. Honourable Members will appreciate the importance of this, particularly in Penang and Port Swettenham, where there is an extensive entrepôt trade.

When the amendment becomes law, I propose to bring into force the Statutory Declarations Act of 1960, which, Honourable Members will recollect, enables declarations to be made in the National Language; and also consolidates the law throughout Malaya.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE BETTING (AMENDMENT) BILL

Second Reading

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr. Speaker, Sir, I beg to move that the Betting (Amendment) Bill, 1961, be read a second time.

As Hon'ble Members will see from the Order Paper I am later moving two further Bills—the Racing (Totalisator Agency Board) Bill and the Betting and Sweepstake Duties (Amendment) Bill. All these three Bills, Sir, are related and, before I deal more specifically with the Betting (Amendment) Bill, I would like in the first part of my speech to deal generally with the subject of betting on horse races.

The problem with regard to betting on horse races is much the same the whole world over. A large section of the public wants to bet and prefers

to do it in the easiest way and in the method which appears to offer the best returns whether legal or not. Governments and racing authorities in many countries have been trying for many years to establish systems for such betting which will not only provide the Governments concerned with revenue, the racing authorities with income and the public with a high degree of security plus a fair return on their winnings, but which will also reduce the social evils of betting to the minimum.

At this point, Sir, I would like to make absolutely clear that the Alliance Government is not in favour of betting or of encouraging betting. The Government, in introducing this legislation, is merely recognising the fact that there is no enforceable law which can prevent persons from betting and it is, therefore, the intention of the Government to endeavour to eradicate illegal bookmaking in the country and, at the same time, to provide lawful means of betting on horse racing which will be subject to a large measure of control in order to prevent abuses, malpractices and the social evils which arise from betting.

While it can be expected that these Bills will benefit both the Government by an increase in revenue and the racing authorities by an increase in income, their main purpose is to ensure that betting is restricted to lawful channels and that those channels are subject to adequate controls and safeguards.

In support of what I have said I would like to refer Hon'ble Members to two reports—one published by the Government of Singapore in 1950 on the control of bookmaking in Singapore and the other which was laid on the table of the former Federal Legislative Council as Paper No. 41 of 1954 by a Committee appointed to enquire into and report on the desirability of introducing legislation to provide for registration and licensing of bookmakers.

I would like, Sir, with your permission, to read a number of extracts from those reports which are as relevant today as they were when they were written. In the Singapore report

certain conclusions were drawn from the experience of other countries. These were:

- "(1) The public demand for facilities for betting is so great in societies analogous to our own that suppression is impossible;
- (2) limitation and control of bookmaking and betting have almost always been considered desirable;
- (3) the bookmaking profession has always exhibited an astonishing ingenuity in avoiding and flouting legislation designed to restrict, to control or to tax it."

The Committee which prepared this report finally recommended that bookmaking should not be legalised and that the present law should be made more stringent in order to suppress illegal betting. The Committee also held the view that however well the law might be amended it would nevertheless be flouted unless the further step was taken of providing legal facilities for those members of the public who desired to bet off the course. The New Zealand off the course betting system was at that time about to be introduced and the Committee suggested that, after a reasonable period, the Singapore Government should enquire into its success or failure and, if successful, consider whether or not a similar scheme would serve the interests of Singapore.

The Federation report was produced in 1954 and the main reasons given by the Committee for requiring a change in the existing laws were as follows—I quote from paragraphs 8 to 11:

"It is a well known fact that a very considerable amount of betting takes place through illegal bookmakers. Estimates given to us suggest that the amount so staked is about ten times as much as passes through the totalisator without taking account of off the course betting. We are all agreed that it is an unhealthy state of affairs in any society if the law can be openly flouted in this way with almost complete impunity. It has been suggested that all that is necessary is to tighten up the laws against illegal bookmaking. That this is desirable is the opinion of all of us, but it is recognised that illegal betting is in its nature difficult to detect and cannot be completely or even substantially suppressed by penal proceedings alone, however stringent the laws may be. A tightening of the laws, desirable as it is, is not considered by most of us to be a sufficient remedy by itself.

"A further point which appears to most of us to be of primary importance is that at present the only lawful method of betting is through the totalisator and the totalisator is only available to a limited portion of the community, viz., the members of the Turf Clubs. It is outside our terms of reference to consider the moral or social arguments for and against the habit of betting, but we recognise as a fact that betting is a custom endemic to the population of Malaya and will tend to be carried on whether or not it is permitted by the law. It has accordingly appeared to most of us to be socially undesirable that, while facilities for betting are given to the limited portion of the community who are members of the Turf Clubs, stringent action should be taken against other members of the community who have no lawful outlet for their betting instincts and are compelled if they wish to bet at all to resort to illegal bookmakers. Merely to tighten up the laws against illegal bookmakers without providing a legitimate channel for betting by non-members of the Turf Clubs appears to us to be socially undesirable, and we consider that any campaign to suppress illegal bookmaking should have as its corollary the provision of some legitimate means of betting, and indeed is unlikely to succeed unless some such legitimate means are provided."

While we recognise that at the present time the Government cannot afford to leave any source of revenue untapped, we do not, rightly or wrongly, regard an increase of revenue as the dominant consideration which we should have in mind. While we recognise the need to safeguard the revenue, we nevertheless consider that it would be a mistake to assess the merits of any proposed scheme merely by reference to the amount of revenue it would produce. We agree that it is desirable that betting whether through bookmakers or through the totalisator should be subject to taxation, but we regard it rather as a social than an economic evil that bookmakers should be able to make profits which must be very considerable without making any contribution to the revenue by way of tax.

For all these reasons most of us consider that a change in the law is desirable, and that any change should tend to promote a more healthy social condition in relation to racing by providing a legitimate outlet for the betting instincts of the general public, by reducing the temptation to and facilitating the suppression of illegal

practices, and by preventing the evasion of taxation.

In conclusion the Committee was of the opinion that to introduce a system of licensed bookmaking would, in the circumstances of this country, be a leap in the dark with a very uncertain prospect of success and the Committee reached the further conclusion that the New Zealand scheme for off the course totalisator betting represented the most promising line of approach to the problem of illegal bookmaking and considered that the introduction of a similar scheme in Malaya would have a very reasonable prospect of success. I will deal with this when we come to consider the next Bill for the establishment of a Totalisator Board in Malaya.

As I have already stated, Sir, the conclusions of these two Committees are as relevant today as they were when they were made and this view is fully supported by members of the Turf Club Committees and those with a knowledge of racing in Malaya. The Government accordingly accepts these conclusions and the need for this legislation in order first to eliminate illegal bookmaking and thereby reduce the total volume of betting in the country and secondly to provide a legal means of betting, for those members of the public who wish to bet on horse races, which will be subject to adequate controls and safeguards.

The Betting (Amendment) Bill, the second reading of which I am now moving, is the first prong of that attack. The Bill is designed to amend the present Betting Ordinance, 1953, and the amendments follow very closely the amendments recently made to parallel legislation in force in the State of Singapore. In the light of recent cases under the present law the Government fully appreciates that, if the amendments are to have any effect, they must be very stringent indeed.

I would refer Hon'ble Members to the Explanatory Statement at the end of the Bill and would like to draw their attention, Sir, to the three major amendments which are:

First, Clause 4 which doubles existing penalties and provides in addition for

minimum fines and for mandatory imprisonment upon a second or subsequent offence.

Secondly, Clause 7 which introduces a presumption against a person acting as a bookmaker; and

Thirdly, Clause 12 which provides that evidence by a police officer not below the rank of sergeant should be presumptive evidence.

I do not think Hon'ble Members of this House will question the need for such sweeping and stringent amendments to the present law. They are designed to deal with a class of persons who are complete parasites on society—openly flouting the law with impunity and contributing nothing either to the country or even to the sport on which they batten.

Sir, I beg to move.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): Sir, I beg to second the motion.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berdiri di-sini ia-lah hendak membahathkan bukan sahaja di-dalam pindaan kapada Rang Undang² Pertarohan ini tetapi juga ia-lah bagi dasar dan asas daripada Undang² ini sendiri. Undang² Pertarohan yang hendak di-pinda dan yang sudah ada ini, saya rasa, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini patut-lah mengharamkan sa-barang perjudian.

Dato' Dr. Ismail: On a point of order, Sir. Ahli Yang Berhormat itu dalam ucapan-nya telah mengatakan yang dia tidak akan membahathkan perkara yang di-chadangkan ini. Dan mengikut Standing Orders 76 (1) dia dengan sendiri-nya tidak boleh membahathkan pindaan yang ada dihadapan kita ini.

Mr. Speaker: Tuan chuma boleh membahathkan di-atas pindaan ini sahaja saya boleh benarkan dengan syarat tidak panjang.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, bahawa pindaan yang di-datangkan ini ia-lah oleh kerana satu² sebab. Jadi, saya rasa, pindaan yang di-kemukakan ini

berkaitan dengan Undang² yang sedia. Bagi sa-buah negeri seperti Persekutuan Tanah Melayu ini yang meng-¹itiraf ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negeri ini, maka pada pendapat saya, ada-lah satu penchabolan Kerajaan ini terhadap Perlembagaan Negeri ini manakala sa-barang sa-suatu yang di-larang atau pun di-haramkan oleh ugama Islam, di-lakukan oleh sa-buah negara yang mengaku Islam sa-bagai ugama rasmi. Pada ka-seluruhan-nya Undang² dan pindaan yang di-kemukakan ini ada-lah merupakan satu pindaan yang hendak mengetatkan beberapa fasal dan menambah beberapa peratoran² supaya orang itu tidak melakukan sa-barang perbuatan pertarohan ini di-luar daripada Undang². Tetapi, walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, Undang² ini menchuba pada ka-seluruhan-nya menghalalkan sa-suatu yang memang sudah di-haramkan oleh ugama Islam. Walau bagaimana sekali pun kita hendak mengetatkan atau hendak menahan orang jangan melakukan kesalahan tetapi kerajaan telah chuba meng-halalkan sa-suatu yang memang sudah haram dan pindaan² ini memang-lah tidak patut di-terima oleh Dewan ini. Apa yang patut kita berikan kehormatan kapada Kementerian Kewangan, kalau sakira-nya ia mengemukakan satu usul membatalkan semua sekali Undang² yang berkaitan dengan pertarohan dan perjudian di-dalam negeri ini, sa-kurang²-nya sa-bagai menghormati negara ini sa-bagai negara yang mengaku Islam ugama resmi. Tetapi dengan pindaan yang ada sekarang ini sekali pun di-dalam ucapan Menteri Kewangan pada sadikit masa tadi berkata tidak-lah menjadi dasar Kerajaan Perikatan hendak mengesa atau menggalakkan orang supaya berjudi tetapi di-dalam kenyataan-nya pada hari ini dengan sendiri-nya menyatakan bahawa Kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini memang menchuba dan menggalakkan orang berjudi dengan Undang² yang di-kemukakan sekarang ini. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pertarohan dan perjudian yang di-lahirkan dari lumba kuda ini banyak men-datangkan akibat² yang merosakkan kapada kehidupan masyarakat negeri

ini sendiri. Walau pun kita chuba meminda-nya supaya orang tidak akan teraniaya di-dalam-nya tetapi saya rasa, sudah sampai-lah waktu dan sa'at-nya Menteri Kewangan chuba supaya sedikit demi sedikit ra'ayat negeri ini tidak hidup sa-chara seperti ini tetapi membuat kehidupan yang sesuai dengan peribadi bangsa Persekutuan Tanah Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam membahathkan loteri ini, saya teringat yang saya ada menyebutkan bahawa ada satu penyakit yang barangkali itu-lah Rang Undang² ini di-kemukakan ia itu satu perjudian yang di-lakukan bukan oleh ahli² yang telah menjadi anggota di-dalam Turf Club itu tetapi di-lakukan oleh orang² di-luar malahan orang² yang tiga, empat, lima dan 10 ia itu judi tikam ekor. Amat-lah sulit-nya bagi Undang² ini sendiri atau bagi Undang² tambahan ini sendiri bagi menghapuskan perjudian tikam ekor yang melarat sampai ka-kampong² itu, sekali pun kita dengan peratoran ini boleh menangkap, boleh menahan dan boleh menyerang-nya di-kampong² atau di-tempat mereka melakukan-nya tetapi sa-lagi ada pokok-nya ia itu pokok menghalalkan perjudian maka pertarohan ini tidak akan dapat di-membanteras di-sebabkan oleh perlumbaan kuda ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, tadi telah meminta saya supaya jangan berchakap panjang maka bagi diri saya sendiri, berpendapat pada ka-seluruhan daripada pindaan yang di-kemukakan ini ada-lah merupakan satu pindaan yang membolehkan perjudian maka ka-seluruhan-nya saya membangkang bukan sahaja daripada pindaan ini bahkan daripada asal Undang² ini sendiri, kita ada-lah membangkang dengan segala kegiatan kita, oleh kerana itu ada-lah satu penchabolan yang terang² kapada Perlembagaan negeri ini di-atas Islam yang telah menjadi ugama resmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ini.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong): Mr. Speaker, Sir, in listening to the Honourable the Minister of Finance, I cannot help feeling that he is by no means honest when he puts forward

the reasons as to why his Government wants to control illegal betting. He has pointed out that betting is a social evil and I think that everyone will agree with him on that. However, it seems to me to be most illogical, because though he said that betting is a social evil, yet he did not propose any measure to eradicate that evil. If we feel that a certain thing is an evil, is bad for our country, then it is only logical that we should take the necessary steps to eradicate that evil. It seems to me that by not putting forward any proposal in that direction, he is not very honest about it. It also seems to me that it is the Alliance policy to accept the fact that there must be betting in this country. I think, it is the Alliance policy to encourage horse racing as a very important industry in this country. So in the light of that, we can see very clearly, in this enunciation of policy by the Honourable Minister, that he has accepted the fact that it is very difficult to do away with betting. Therefore, he has put forward to us the proposition that betting should not be eradicated rather than the fact that betting cannot be eradicated. I, for one, do not agree with him that if a thing is evil it cannot be eradicated. If it is the intention of Government to do away with gambling, it can do so, and I do not agree with his proposition that it cannot be done. I could agree if he were to tell us that it should not be done and give us his reasons for feeling that way. However, it is a well known fact that it is their policy and there is nothing we can do about it. I would like to point out that, in view of the fact that the Alliance has accepted horse racing to be one of the important industries in this country and that it is the intention not to do anything about eradicating betting and all that, what we are interested in, in this House as Members of the Opposition, is to point out certain flaws in the reasons given by the Minister with regard to this particular Bill.

We on this side of the House will definitely agree with any measures which he is introducing to make it difficult, as far as bookmaking is concerned, to operate bookmaking illegally and all that. I, for one, will support

this particular Bill in view of the fact that this Bill proposes to control illegal bookmaking; as far as that goes, I feel that it is definitely an improvement on the present state of affairs. There is no doubt about that. But I disagree with the Honourable the Minister of Finance, when he says that there must be an outlet; in other words, he is trying to tell us that if we accept this very stern measure, we must also agree to have off-the-course betting so that people can have an outlet to do betting if they so desire.

I must point out, Sir, that as far as betting is concerned there are Turf Clubs, and if anyone feels inclined to bet he can always become a member of the Turf Clubs. I see no reason whatsoever as to why the introduction of this matter should be followed necessarily by the introduction of off-the-course betting which, as the Minister has explained, will give an outlet to the people. I must point out that the reasons why people resort to bookmakers is not so much because there is no other outlet, but more because of the fact that illegal bookmakers offer them facilities: for example, bookmakers, as is well known in this country, offer bettors certain rebate, a certain percentage of rebate; and that is the sort of thing that induces people in going to illegal bookmakers. I would suggest that the Government look into this matter and try to contrive ways and means to control this particular weakness of the system.

I shall speak more fully on the question of off-the-course betting when the relevant Bill comes up for discussion. However, I may say, Sir, that though we agree somewhat with the Bill as such, we feel that the reasons given by the Honourable the Minister of Finance are by no means correct and by no means honest.

Mr. Speaker: Do you wish to reply?

Enche' Tan Siew Sin: No, Sir. In view of the fact that the last speaker practically agrees with the Government that this is necessary, I do not wish to reply. With regard to the first speaker, the remarks made by me in the first

part of my speech adequately cover his observations.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 14 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE AGE OF MAJORITY BILL

Second Reading

Enche' Mohamed Ismail bin Mohd. Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² the Age of Majority Bill di-bachakan bagi kali yang kedua.

Enche' V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tun Leong Yew Koh: Sir, this is the first of three Bills before the House today to clarify the status of children.

As Honourable Members are aware, there is no uniformity in the Federation as to the age when a child becomes a man or woman. It is clearly desirable that there should be some general rule to supplement the various ages of majority specified in various laws. Generally speaking, I think I am right in saying that most religions other than Islam accept the age of 21 years as the age when a minor attains full capacity and full responsibility for most of his actions. This Bill accordingly provides that 21 years should be the age of majority for non-Muslims.

Laws affecting the Islamic religion do not fall within the jurisdiction of this House; they are the responsibility of the State Governments. From a reading of Article 12 (4) of the Federal Constitution, it is clear that the religion of a person under 18 years cannot be determined by him, but by his parents. The Bill we are considering now will merely give the State Governments the right to fix this as the age of majority

for Muslims within the State. It is to that extent merely an enabling Bill so far as it relates to Muslims, and the initiative in this matter rests on the State Governments. We can neither interfere nor dictate.

I commend this measure to the House. It was referred in draft to the State Governments, which have raised no objection to its enactment in the present form.

